


SH 8/12/2019 m/s 18

APMM tahan bot langgar syarat lesen



Antara individu yang ditahan Maritim.

KLANG - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Selangor menahan sebuah bot nelayan tempatan yang menangkap ikan di luar kawasan dibenarkan di perairan Tanjung Karang, Kuala Selangor kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri, Kep ten Maritim Mohamad Rosli berkata, bot itu ditahan ketika kru serta awak-awak sedang menangkap ikan pada jam 11.20 pagi di 6.2 batu nautika di perairan itu.

"Empat individu termasuk kru

dan awak-awak yang ditahan merupakan warga tempatan berusia dalam lingkungan 18 hingga 62 tahun.

"Kesemua mereka ditahan di bawah Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menunda kurang dari lapan batu nautika," katanya.

Katanya, kesemua mereka termasuk bot dan hasil tangkapan ikan campur dianggarkan kira-kira 50 kilogram dibawa ke Ibu Pejabat Maritim Selangor untuk siasatan lanjut.